



SIARAN AKHBAR

PENIPUAN PELABURAN FOREX

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan pada edisi Borneo Bulletin Sunday bertarikh 22 Mei 2016 bertajuk “Bruneians among victims of forex investment scam”, dan seterusnya, ingin mengingatkan orang ramai untuk hanya menjalankan urusan kewangan atau pelaburan dengan individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD.
2. Penyeliaan dari pihak AMBD adalah bertujuan untuk melindungi pengguna kewangan dengan memastikan bahawa hanya individu-individu atau institusi-institusi yang cekap dan profesional sahaja yang layak menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam. Undang-undang yang dilaksanakan oleh AMBD juga menghendaki individu-individu atau institusi-institusi tersebut memberi maklumat sepenuhnya mengenai pelaburan yang ditawarkan kepada pengguna-pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.
3. Jika pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam melibatkan diri dalam skim-skim pelaburan yang tidak dilesenkan oleh AMBD, maka pengguna kewangan tersebut tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD, terutama sekali jika skim pelaburan tersebut beroperasi dari luar negara.
4. AMBD ingin mengingatkan orang ramai dan pengguna kewangan akan pentingnya mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut terlebih dahulu. Orang ramai dan pengguna kewangan patut mengelak daripada memfokuskan kepada pulangan yang ditawarkan sahaja, terutamanya jika pulangan tersebut adalah jauh bezanya daripada pulangan yang biasa ditawarkan oleh individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD. Jika satu tawaran itu rasanya adalah terlalu baik untuk menjadi kenyataan, besar kemungkinan ianya adalah satu penipuan.
5. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Rujukan: AMBD/COMMS/2016/3

Tarikh: 20 Sya'ban 1437 / 27 Mei 2015